



SIARAN MEDIA

TASKA WAJIB PAMER PLAK TASKA BERDAFTAR

KUCHING, 10 FEBRUARI – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Plak TASKA Berdaftar di Dewan Wisma Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak.

Inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ini dikembangkan ke peringkat negeri Sarawak dalam usaha memastikan semua TASKA berdaftar di Malaysia mempamerkan Plak TASKA Berdaftar ini di premis masing-masing.

Sehingga 31 Januari 2025, jumlah TASKA berdaftar di Sarawak adalah sebanyak **142 buah**. Daripada jumlah ini, **103 merupakan TASKA Institusi, 14 buah TASKA di tempat kerja, 4 buah TASKA Komuniti dan 21 buah adalah TASKA di rumah**.

Kesemua Bahagian di Sarawak kini telah mempunyai TASKA Berdaftar dengan **Bahagian Kuching** mencatatkan jumlah TASKA berdaftar tertinggi iaitu **65 buah** diikuti oleh **Bahagian Samarahan 22 buah, Bahagian Miri sebanyak 13 buah TASKA dan lain-lain Bahagian sebanyak 42 buah**.

Menurut rekod JK, terdapat **1,080 buah TASKA** yang tidak berdaftar di seluruh negara. Daripada jumlah ini, **95 buah taska tidak berdaftar tersebut terletak di Sarawak**. Sehingga 10 Januari 2025, sebanyak **20 buah TASKA telah berjaya mendapat perakuan pendaftaran, 16 buah TASKA telah berhenti operasi, dan 59 telah diberi notis peringatan** dan dalam tindakan selanjutnya oleh JK.

Pada 10 Januari 2025 yang lalu, KPWKM telah melancarkan inisiatif untuk mewujudkan Plak TASKA Berdaftar bagi memastikan masyarakat dapat mengetahui sama ada sesebuah TASKA itu berdaftar atau tidak dengan pantas selain daripada membuat semakan di laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat di www.jkm.gov.my.

Inisiatif ini merupakan salah satu kaedah bagi memastikan ibu bapa atau penjaga dapat mengenalpasti dan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar serta membantu usaha kerajaan menangani isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak di TASKA.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya menyeru semua pihak terutama TASKA yang belum berdaftar agar segera melaksanakan proses pendaftaran dalam usaha memastikan persekitaran kanak-kanak adalah selamat dan mencapai piawaian yang minimum.

Turut hadir dalam majlis ini YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBrs. Dr. Sopian bin Haji Brahim, Pengarah Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
10 FEBRUARI 2025**